

## Indeks Kemiskinan Multidimensi Global: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah

*Global Multidimensional Poverty Index: An Analysis According to Maqasid Syariah Perspectives*

Muhamad Zulfadli Abdul Rahman<sup>a</sup>, Mohammad Taqiuddin Mohamad<sup>a\*</sup>, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>b</sup>,

<sup>a</sup>Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>b</sup>Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: m.taqiuddin@um.edu.my

### Article history

Received: 2021-07-01 Received in revised form: 2021-09-01 Accepted: 2021-09-02 Published online: 2022-02-28

### Abstract

Poverty is often associated with the issue of lack of income. However, when questions such as "do children get the education they deserve?", "does a family get the right health services?" and "does the community receive the clean water and electricity supply it needs?" cannot be answered well, then it is a sign that poverty still exists from a multidimensional view. This study applies library methods, textual and contextual analysis methods by taking into the five elements of Shariah Maqasid in the context of multidimensional poverty and extracted based on inductive, deductive, and comparative methods. The results of the study show that multidimensional poverty has a direct relationship to Maqasid Syariah. All dimensions of multidimensional poverty such as education, health, and living standards have their importance in preserving the five elements of Maqasid Syariah, namely religion, intellect, soul, lineage, and property. In the education aspect, achievement in this aspect must take into account both types of educational streams, namely fardu ain and fardu kifayah. In the health aspect, emphasis is given to the prevention of disease as well as a balanced diet by taking into the source of treatment and halal supply for both. While in the aspect of living standards, the accumulation of wealth serves as a pillar to build a more prosperous life, providing benefits to human beings, rewards, and favors given by Allah SWT to his servants and is a test in human life. This study is seen to contribute to improving the shortcomings that exist in the existing multidimensional poverty measurement through the application of poverty measurement elements based on the perspective of Maqasid Syariah as an added value in creating a comprehensive multidimensional poverty measurement as discussed by Islam.

**Keywords:** Poverty, Multidimensional Poverty, MPI, Maqasid Syariah, Islam.

### Abstrak

Kemiskinan seringkali dikaitkan dengan isu kekurangan pendapatan. Namun, apabila persoalan-persoalan seperti "Adakah kanak-kanak mendapat pendidikan yang sepatutnya?", "adakah sebuah keluarga mendapat perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya?" dan "adakah masyarakat menerima bekalan air bersih dan elektrik yang diperlukan?" tidak dapat dijawab dengan baik, maka ia adalah satu petanda masih wujud kemiskinan dari sudut multidimensi. Kajian ini mengaplikasi kaedah perpustakaan, kaedah analisis tekstual dan kentekstual dengan mengambil kira lima elemen maqasid Syariah dalam konteks kemiskinan multidimensi dan diekstrak berdasarkan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan kemiskinan multidimensi mempunyai hubungan secara langsung kepada Maqasid Syariah. Kesemua dimensi kemiskinan multidimensi seperti pendidikan, kesihatan dan taraf hidup mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam memelihara lima elemen Maqasid Syariah iaitu agama, akal, jiwa, keturunan dan harta. Dalam aspek pendidikan, pencapaian dalam aspek ini perlu mengambil kira kedua-dua jenis aliran pendidikan iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Dalam aspek kesihatan pula, penekanan diberikan terhadap pencegahan terhadap penyakit serta pengambilan makanan yang seimbang dengan mengambil kira sumber rawatan dan bekalan yang halal bagi kedua-duanya. Manakala dalam aspek taraf hidup pula, pengumpulan harta kekayaan berperanan sebagai tiang pembinaan kehidupan yang lebih sejahtera, pemberian manfaat kepada manusia, ganjaran dan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya dan merupakan ujian dalam kehidupan manusia. Kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan dalam menambahbaik kekurangan yang wujud dalam pengukuran kemiskinan multidimensi sedia ada melalui penerapan elemen-elemen pengukuran kemiskinan berlandaskan perspektif *Maqasid Syariah* sebagai satu nilai tambah dalam mewujudkan satu pengukuran kemiskinan multidimensi yang komprehensif seperti yang dibincangkan oleh Islam.

**Keywords:** Kemiskinan, Kemiskinan Multidimensi, MPI, Maqasid Syariah,

## **1.0 PENDAHULUAN**

Isu pembasmian kemiskinan telah lama dibincangkan dan merupakan fenomena global yang dipandang serius. Usaha-usaha berterusan dalam menangani kemiskinan masih diteruskan sehingga kini melihatkan kepada isu kemiskinan yang tiada penamat selagi mana wujudnya kelompok manusia. Bagaimanapun, definisi konsep kemiskinan yang semakin hari semakin berkembang dan mengalami pertambahan elemen yang diukur sebagai keadaan miskin perlu diambil kira dan diberi penelitian secara terperinci.

Kemiskinan seringkali dikaitkan dengan isu kekurangan pendapatan. Namun, apabila persoalan-persoalan seperti “Adakah kanak-kanak mendapat pendidikan yang sepatutnya?”, “adakah sesebuah keluarga mendapat perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya?” dan “adakah masyarakat menerima bekalan air bersih dan elektrik yang diperlukan?” tidak dapat dijawab dengan baik, maka ini menunjukkan bahawa kemiskinan ini wujud dalam pelbagai sudut ataupun dikenali sebagai multidimensi. Kemiskinan multidimensi memfokuskan isu kekurangan dalam keperluan kehidupan manusia selain faktor kewangan yang menjadi penghalang kepada mencapai kehidupan sejahtera (UNDP, 2018).

Pengukuran kemiskinan adalah perkara asas dalam menilai kemiskinan. Setiap petunjuk dan metodologi yang diguna pakai dalam mengukur kemiskinan lazimnya akan menunjukkan dimensi-dimensi yang berbeza dalam proses penilaian kemiskinan. Ukuran kemiskinan yang ideal akan dapat membezakan saiz dan komposisi sesuatu isi rumah dan membolehkan manusia untuk membandingkan tahap kebolehcapaian mereka untuk mendapatkan sumber keperluan hidup secara berterusan (Robert, 2001). Kebanyakan badan-badan pembangunan masyarakat dunia sudah mula beralih ke arah pengukuran kemiskinan secara multidimensi sebagai respon daripada kaedah-kaedah pengukuran sedia ada yang bersifat lemah pada asas teori dan menghasilkan keputusan yang tidak tepat dalam mengukur kemiskinan (Diana, 2018).

Dalam kajian Fusco (2003), beliau berpandangan ukuran secara unidimensi hanya mampu mencapai objektif pembasmian kemiskinan dalam jangka masa pendek. Malah beliau mengkritik pendekatan kewangan yang digunakan dalam pengukuran kemiskinan tidak menggambarkan kepelbagaiannya manusia daripada segi persekitaran sosioekonomi untuk menentukan realiti kemiskinan setiap individu. Justeru, pengukuran kemiskinan unidimensi dilihat tidak mampu menjelaskan jurang atau tahap kemiskinan seseorang serta mengabaikan perbezaan kesejahteraan antara isi rumah yang miskin berdasarkan andaian bahawa setiap isi rumah yang miskin menghadapi situasi kehidupan yang sama dan juga tidak peka pada perubahan dalam kesejahteraan individu selagi mana isi rumah tersebut berada di bawah paras kemiskinan (Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat, 2014).

Menurut Sulochana Nair dan S. Sagaran (2015) pula, konsep kemiskinan berdasarkan perspektif kewangan atau pendapatan tidak memandang berat aspek-aspek kebaikan sosial dan bentuk-bentuk kekurangan yang lain yang berkaitan dengan kemiskinan serta tidak menggambarkan tahap kemiskinan sebenar dalam kehidupan sesebuah isi rumah. Disebabkan ukuran kemiskinan ini menggunakan pendekatan kewangan sahaja sama ada melalui dimensi pendapatan ataupun dimensi perbelanjaan, maka ia akan menghasilkan satu tafsiran yang berbeza tentang kadar kemiskinan dan hasil akhir kajian kemiskinan tidak mampu menggambarkan situasi kemiskinan yang sebenar (Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat, 2014).

Pentingnya isu kemiskinan diambil berat atas faktor pembangunan sesebuah negara akan terjejas sekiranya ia isu berkaitan kemiskinan ini tidak ditangani dengan berkesan. Malah isu rantai berkaitan isu ini seperti kebuluran, kekurangan makanan, penyakit dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang ramai boleh menyebabkan seseorang terjerumus ke kancang jenayah untuk

menikmati hidup dalam kemewahan. Malah jika tidak dikawal dan dibasmi dengan berkesan, isu ini berpotensi menjadi senjata yang menggugat kestabilan ekonomi dan politik sesebuah negara (Nor Ghani, 1984). Melihat contoh percaturan politik dunia, permasalah ekonomi khususnya berkaitan kemiskinan sering dijadikan senjata bagi meruntuhkan sesebuah kerajaan yang memerintah. Buktinya, apa yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998 akibat spekulasi di pasaran mata wang antarabangsa yang mengakibatkan banyak negara yang rancak membangun seperti Malaysia, Korea Selatan, Thailand dan Indonesia yang berhadapan dengan isu kemiskinan kesan daripada permasalahan kewangan yang juga turut menjerumus ke dalam kancang pergolakan politik (Chamhuri Siwar, 2000).

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mengaplikasi kaedah pengumpulan data perpustakaan. Kesemua data yang diperolehi diekstrak daripada kajian-kajian lepas dan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan dokumentasi berdasarkan kaedah induktif, deduktif dan komparatif dengan mengambil kira lima elemen *Maqasid Syariah* dalam konteks indeks kemiskinan multidimensi. Kesemua indikator MPI dinilai dan dibuat perbandingan untuk menilai sejauh mana indikator ini memenuhi setiap tuntutan dalam *Maqasid Syariah*. Perbincangan MPI dilihat mempunyai kepentingannya yang tersendiri sebagai menghubungkan pandangan-pandangan Islam tentang konsep kemaslahatan hidup dengan memberi penilaian untuk menyemak sejauh mana pengukuran kemiskinan multidimensi ini tidak tersasar daripada menyelesaikan isu kesejahteraan hidup seperti yang disarankan oleh Islam. Selain itu, ia menjelaskan keperluan pengukuran kemiskinan multidimensi dengan mengemukakan cadangan pemerkasaan amalan pengukuran kemiskinan ini melalui pengintegrasian elemen kemaslahatan dan kemudarat yang dibincangkan oleh *Maqasid Syariah*. Kepentingan ini akan memberi sumbangan dalam menambahbaik kekurangan yang wujud dalam pengukuran kemiskinan multidimensi sedia ada melalui penerapan elemen-elemen pengukuran kemiskinan berlandaskan perspektif *Maqasid Syariah* sebagai satu nilai tambah dalam mewujudkan satu pengukuran kemiskinan multidimensi yang komprehensif seperti yang dibincangkan oleh Islam.

## **2.0 KONSEP KEMISKINAN MULTIDIMENSI**

Keadaan hidup masyarakat di negara yang berbeza tentunya memberikan tafsiran yang berbeza terhadap konsep kemiskinan. Tambahan pula, faktor kewangan dan kegagalan memenuhi keperluan material semata-mata tidak cukup untuk menilai tahap kemiskinan. Terdapat pelbagai dimensi untuk menjelaskan konsep kemiskinan. Kepelbagai dimensi aspek kekurangan turut diterima pakai dalam memberi pendefinisian kemiskinan. Oleh yang demikian, tidak ada satu takrif kemiskinan yang boleh diterima dan diguna pakai oleh semua negara pada setiap masa tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara tersebut.

Penilaian kemiskinan menggunakan pendekatan multidimensi berperanan sebagai penentu insiden kekurangan pada setiap aspek kesejahteraan hidup secara keseluruhan. Penilaian tahap kesejahteraan hidup individu perlu membandingkan tahap pencapaian dalam kesejahteraan hidup mereka berdasarkan pelbagai jenis dimensi yang berlandaskan kepada strategi dan kaedah tertentu. Hal ini kerana, penilaian kemiskinan yang menggunakan satu dimensi yang spesifik tidak cukup untuk mengenal pasti siapakah individu yang tergolong dalam kategori miskin. Ia memerlukan pertimbangan beberapa kriteria tambahan yang melihat secara keseluruhan aspek kesejahteraan hidup disebabkan oleh kecenderungan kewujudan masalah kekurangan dalam pelbagai dimensi (Sabina Alkire dan James Foster, 2009).

Konsep kemiskinan multidimensi menganggap wujudnya pelbagai kekurangan selain daripada faktor kewangan yang boleh menjadikan sesebuah isi rumah itu miskin. Senario dalam

kemiskinan multidimensi dapat dilihat melalui gambaran kekurangan pendedahan pendidikan, tahap kesihatan dan nutrisi yang teruk, kediaman yang tidak sempurna, sumber bekalan air yang tidak bersih dan lain-lain lagi. Setiap kekurangan ini memberi gambaran tentang pengalaman hidup seseorang yang miskin dan halangan kepada mencapai kesejahteraan hidup (OPHI, 2018).


United Nation Development Programme (UNDP) telah memperkenalkan Indeks Kemiskinan Multidimensi (Multidimensional Poverty Index, MPI) yang dikembangkan oleh Alkire dan Foster (2007). Dalam indeks ini, pengkaji telah menetapkan 10 pemboleh ubah yang dijadikan indikator dalam pengukuran kemiskinan yang dikelaskan kepada 3 dimensi selaras dengan Indeks Pembangunan Manusia (Human Development Index, HDI) yang dibangunkan oleh UNDP (2010). Jika dalam pengukuran kemiskinan Indeks Kemiskinan Manusia (Human Poverty Index, HPI) terdapat 3 dimensi iaitu kadar kematian (umur pendek), pengetahuan dan taraf hidup keseluruhan (akses kepada sumber), MPI pula mempunyai 3 dimensi iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup dengan menggunakan 10 petunjuk dalam mengukur kemiskinan. MPI memperkenalkan corak pengukuran kemiskinan yang berbeza daripada pengukuran kemiskinan sedia ada yang menggunakan faktor pendapatan sebagai indikator kerana ia menerangkan satu set kekurangan yang berbeza dan bersifat lebih menyeluruh.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, MPI telah diperluas daripada HPI dengan penambahan dimensi dan indikator yang baru walaupun hampir serupa. Kelebihan utama MPI adalah dimensi dan indikator yang disediakan akan meningkatkan pemantauan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Bank Dunia. SDG menyediakan data statistik pada setiap tahun yang diberikan kepada badan-badan yang berkaitan untuk tujuan peningkatan keupayaan bagi mengatasi masalah kekurangan ini. Kelebihan lain dalam MPI ini juga, ia terdiri daripada peratusan golongan miskin (nisbah jumlah kepala) dan bahagian penunjuk pemberat yang mana kebanyakannya golongan miskin multidimensi dapat memberikan ketepatan dan kedalaman terhadap analisis serta tafsiran dapatan kemiskinan.

Kajian oleh Awan et al. (2012) yang menggunakan MPI dalam mengukur kemiskinan di Pakistan telah menggunakan 9 dimensi seperti elektrik, aset, air, sanitasi, perumahan, pendidikan, perbelanjaan, tanah dan kuasa. Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti isi rumah di Pakistan menghadapi masalah kekurangan pada 5 dimensi iaitu; kuasa, tanah, perumahan, sanitasi dan aset. Dalam kajian lain pula, Shirvani dan Bakhshoodeh (2012) mendapati bahawa pendidikan dan perumahan adalah dimensi penting yang harus ditangani oleh penggubal dasar di Iran untuk memerangi kemiskinan. Sebagai alternatif, Ali dan Ahmad (2013) menegaskan bahawa penjagaan kesihatan dan pendidikan adalah aspek kritikal dalam mengurangkan kemiskinan di Punjab, Pakistan sepanjang tempoh kajian dilakukan, malah terdapat juga banyak kajian lain yang meneroka kemiskinan multidimensi di Pakistan dengan pelbagai hasil dari segi menentukan dimensi kemiskinan yang paling penting.

Pengukuran kemiskinan dilakukan secara berpisah bagi setiap indikator yang dibina melalui penetapan pemberat yang sama bagi setiap dimensi untuk membentuk satu indeks selaras dengan HDI (Sabina Alkire dan Maria Emma Santos, 2010). Setiap dimensi yang dipilih tidak berkait antara satu sama lain dan ditentukan melalui apa-apa pemberat pada setiap dimensi yang dipilih. Selain itu, setiap dimensi yang dipilih dapat memberi penyelesaian (robust) dalam menentukan tahap kemiskinan isi rumah dengan meningkatkan agregat titik pemisah (cut-off point) dan boleh diaplikasikan oleh pembuat dasar untuk menentukan dimensi mana yang menunjukkan tahap kemiskinan yang tinggi pada sesuatu kawasan atau kumpulan tertentu (Sabina Alkire dan Suman Seth, 2008). Selain itu, melalui kaedah ini juga dapat mengenal pasti isi rumah yang sesuai untuk menerima pelbagai jenis bantuan atau perlindungan.

MPI adalah satu ukuran kemiskinan di peringkat antarabangsa yang digunakan oleh lebih dari 100 buah negara membangun (Sabina Alkire dan Suman Seth, 2008). Ia dilihat sebagai satu indeks yang sempurna kerana melengkapi pengukuran kemiskinan selain daripada faktor kewangan dengan mengukur tahap kemiskinan sesebuah isi rumah melalui 10 petunjuk yang merangkumi 3 dimensi. Menurut pendefinisian kemiskinan multidimensi yang dikeluarkan oleh MPI (OPHI, 2018), 3 dimensi telah dipilih dalam mengukur kemiskinan isi rumah iaitu dimensi kesihatan, pendidikan, dan kesejahteraan. Berdasarkan kepada 3 dimensi ini, terdapat 10 indikator yang digunakan dalam mengukur kemiskinan. Indikator-indikator bagi setiap dimensi tersebut dijelaskan dalam rajah dibawah:



**Rajah 1:** Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi di Peringkat Global

Sumber: Oxford Poverty & Human Development Initiatives (2018)

Rajah 1 di atas menunjukkan indeks kemiskinan pelbagai dimensi di peringkat global (MPI). MPI dibangunkan melalui 3 dimensi utama yang menghasilkan 10 indikator yang mempunyai pemberat yang sama iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Dimensi-dimensi ini adalah dimensi yang sama yang diguna pakai dalam HDI. MPI mempunyai 2 indikator dalam dimensi Pendidikan dan dimensi kesihatan serta 6 indikator dalam dimensi taraf hidup. Setiap indikator yang ditetapkan telah melalui proses saringan dan rundingan secara menyeluruh yang melibatkan pakar-pakar dalam ketiga-tiga dimensi tersebut. Semasa proses saringan dan rundingan dilaksanakan, definisi bagi setiap indikator digabungkan secara ideal dengan situasi sebenar yang berlaku melalui data yang diperolehi dan perbandingan antara negara-negara di dunia. Seterusnya 10 indikator telah dimuktamadkan sebagai satu-satunya kumpulan indikator yang boleh digunakan oleh lebih 100 buah negara di seluruh dunia (Sabina alkire et.al., 2016). Jadual 1 dibawah memberikan penjelasan secara ringkas tentang dimensi, indikator, nilai ambang dan pemberat secara tepat yang digunakan dalam MPI.

**Jadual 1:** Dimensi dan Indikator Indeks kemiskinan Multidimensi Global

| Dimensi    | Indikator          | Miskin jika.....   | Pemberat Relatif |
|------------|--------------------|--|------------------|
| Pendidikan | Tahun Persekolahan | Tiada ahli isi rumah yang berumur 10 tahun dan ke atas yang menamatkan 5 tahun persekolahan.             | 1/6              |
|            | Kehadiran Sekolah  | Mana-mana kanak-kanak berumur peringkat sekolah tidak bersekolah sehingga usia mereka tamat di kelas 8.+ | 1/6              |

|             |                      |  |      |
|-------------|----------------------|--|------|
| Kesihatan   | Kematian Kanak-Kanak | Mana-mana kanak-kanak yang meninggal dunia dalam isi rumah.  | 1/6  |
|             | Nutrisi              | Mana-mana orang dewasa umur di bawah 70 tahun atau mana-mana kanak-kanak yang mempunyai maklumat pemakanan kekurangan zat makanan.*  | 1/6  |
| Taraf Hidup | Elektrik             | Isi rumah yang tiada bekalan elektrik.   | 1/18 |
|             | Sanitasi             | Isi rumah tidak mempunyai kemudahan sanitasi yang dipertingkat (mengikut garis panduan MDG), atau telah dipertingkat tetapi berkongsi dengan nisi rumah yang lain.**                                   | 1/18 |
|             | Air Minuman          | Isi rumah tidak mempunyai akses terhadap air minum yang selamat (mengikut garis panduan MDG) atau air minum yang selamat berjarak sekurang-kurangnya 30 minit berjalan kaki dari perjalanan rumah. *** | 1/18 |
|             | Kediaman             | Lantai kediaman isi rumah mempunyai kotoran, pasir, kotoran atau jenis lantai (tidak ditentukan) yang lain.  | 1/18 |
|             | Bahan Bakar Memasak  | Isi rumah memasak dengan kotoran, kayu, arang atau bahan api pepejal yang lain.  | 1/18 |
|             | Pemilikan Aset       | Isi rumah tidak memiliki lebih dari satu radio, TV, telefon, basikal, motosikal atau peti sejuk dan tidak memiliki kereta atau trak.   | 1/18 |

+ Julat kanak-kanak 'sekolah-sekolah' yang layak ditentukan menggunakan usia di mana kanak-kanak memulakan sekolah rendah, hingga tahun di mana mereka akan menyelesaikan kelas 8; isi rumah yang mempunyai anak dalam lingkungan umur ini yang tidak bersekolah dianggap kekurangan.

\* Orang dewasa dianggap kekurangan zat makanan jika BMI mereka di bawah  $18.5 \text{ m} / \text{kg}^2$ . Kanak-kanak dianggap kekurangan zat makanan jika skor z berat badan mereka berada di bawah kurang dua sisihan piawai dari median populasi rujukan.

\*\* Isi rumah dianggap memiliki akses kepada sanitasi yang lebih baik jika mempunyai beberapa jenis tandas atau jamban, atau tandas atau kompos yang lebih baik dengan pengudaraan, dengan syarat ia tidak dikongsi bersama.

\*\*\* Isi rumah mempunyai akses ke air minum yang bersih jika sumber air adalah salah satu dari jenis berikut: air paip, keran umum, lubang bor atau pam, telaga terlindung, mata air terlindung atau air hujan, dan jaraknya dalam jarak 30 minit berjalan kaki (perjalanan pergi balik).

Insiden kemiskinan dalam sesebuah isi rumah sering dikaitkan dengan soal kekurangan pendapatan dan diselesaikan melalui langkah-langkah untuk mencukupkan jumlah pendapatan individu bagi mengurangkan bebanan kemiskinan. Namun, semakin banyak kajian empirikal menjelaskan isu kekurangan yang boleh wujud dalam 2 bentuk iaitu aspek kewangan dan bukan kewangan. Mengambil contoh di negara Montevideo, Uruguay, sebanyak 13% daripada isi rumah di sana mengalami masalah kekurangan dalam pendapatan namun tidak menghadapi masalah kekurangan dalam keperluan asas hidup dan hanya 7.5% sahaja yang menghadapi sebaliknya (Kaztmann, 1989). Selain itu, sebanyak 53% kanak-kanak di negara India yang menghadapi masalah kekurangan nutrisi adalah bukan dari keluarga yang berpendapatan rendah (Franco, 2002) dan daripada 20% individu berpendapatan miskin, sebanyak 5.7% daripada golongan ini menghadapi masalah kekurangan dari aspek kesihatan, pendidikan, dan taraf hidup (Bradshaw dan Finch, 2003).

Hal ini menunjukkan bahawa, masalah kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah semakin lama semakin berkembang dan pelbagai. Justeru, untuk menilai tahap kewangan semata-semata sebagai pengukuran kemiskinan adalah satu penilaian yang sempit melihatkan kepada wujudnya kepelbagaiannya dalam masalah kekurangan isi rumah.

Penurunan kadar kemiskinan kewangan memberi kesan yang sedikit kepada penurunan kadar kemiskinan bukan kewangan. Laporan 'World Development Indicator 1990-2012' yang dikeluarkan oleh

Bank Dunia menjelaskan perubahan dalam kemiskinan pendapatan dan kemiskinan bukan pendapatan berdasarkan indikator Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) dilihat tidak mempunyai perkaitan yang kuat antara kedua-dua jenis kemiskinan ini (Bourguignon et al., 2010). Hal ini dikuatkan lagi menerusi pembentangan dalam '*Global Monitoring Report 2013*' yang menjelaskan negara-negara yang telah memenuhi sasaran matlamat MDG dalam pengurangan insiden kemiskinan, namun masih banyak negara yang masih tidak mencapai matlamat dalam menangani masalah kekurangan dari aspek bukan pendapatan (World Bank, 2013).

Trend dalam kemiskinan menunjukkan bahawa kemiskinan dalam aspek pendapatan mempunyai perkaitan yang rendah dengan kemiskinan dalam aspek bukan pendapatan. Walaupun masalah kemiskinan pendapatan berjaya dikurangkan, namun belum tentu memberi kesan kepada penurunan masalah kemiskinan bukan pendapatan.

Sekiranya pendapatan dan perbelanjaan tidak mampu untuk menggambarkan kemiskinan multidimesi, maka perlu kepada petunjuk lain untuk mengukur masalah kekurangan dari aspek bukan kewangan. Indikator seperti pendidikan dan makanan antara petunjuk yang sering digunakan dalam mengukur kemiskinan multidimensi. Mengambil contoh dari data tinjauan keluarga 2005-2006 di negara India, sebanyak 18% daripada penduduk di sana terdiri daripada ketua isi rumah yang tidak menyelesaikan 5 tahun tempoh persekolahan dan 21% kanak-kanak tidak menghadiri ke sekolah sehingga usia mereka perlu menghabiskan tempoh persekolahan yang telah ditetapkan (Sabina Alkire et.al., 2014).

Berdasarkan petunjuk pendidikan ini, jelas menunjukkan wujudnya interaksi yang tinggi di mana keluarga yang mempunyai pendidikan akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah tetapi hanya 7.4% isi rumah mengalami masalah kekurangan seperti ini manakala 13.6% dan 10.6% mengalami masalah kekurangan dari petunjuk pendidikan dan petunjuk yang lain. Selain itu, dalam laporan purata kekurangan indikator berpasangan terhadap 75 buah negara membangun, wujudnya masalah kekurangan yang melibatkan 2 indikator yang berpasangan sebanyak 6 - 16.2% dan masalah kekurangan yang melibatkan 6 pasang indikator wujud sebanyak 17.7 - 35.2%. Ini menunjukkan setiap indikator yang dipadankan dengan indikator menunjukkan peningkatan masalah kekurangan (Sabina Alkire et.al., 2014).

Hal ini menunjukkan, adalah mustahil untuk meramalkan masalah kekurangan hanya melihat satu petunjuk dengan menganalisis masalah-masalah kekurangan yang pelbagai. Ia memberi gambaran bahawa kekurangan pendapatan mencerminkan masalah kekurangan yang lain. Justeru, langkah-langkah analisis kemiskinan multidimensi perlu dilakukan untuk membina kelompok-kelompok yang dibezakan berdasarkan kekurangan yang berkait rapat dengan kemiskinan.

Pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak menjamin kemajuan dalam petunjuk sosial. Hal ini kerana, pencapaian pertumbuhan ekonomi harus dinilai dari sudut kesan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Ia dibuktikan berdasarkan laporan pertumbuhan ekonomi di India meningkat walaupun elemen kesejahteraan sosial masyarakat di India telah hilang (Drèze dan Sen, 2013). Ukuran kemajuan sosial bukan hanya dilihat pada penghasilan pendapatan dari pertumbuhan ekonomi, tetapi juga dilihat pada sumber-sumber yang wujud dan perlu digunakan dalam mengurangkan masalah yang mengganggu kesejahteraan hidup golongan yang memerlukan.

Kemajuan negara India dan Bangladesh dalam petunjuk sosial 1990-2011 mendapat pertumbuhan KDNK per kapita negara India jauh lebih besar berbanding Bangladesh malah KDNK per kapita negara India adalah sekitar dua kali ganda dari Bangladesh pada tahun 2011. Namun, dalam tempoh yang sama Bangladesh telah mengatasi India dari segi kemajuan dalam pelbagai asas petunjuk sosial.

Tambahan pula, proses penambahbaikan dalam beberapa petunjuk bukan pendapatan di India dilihat lebih perlahan untuk tempoh yang sama berbanding Bangladesh. Melihat kepada pengalaman negara lain, tidak ada kajian yang berjaya menemui hubungan yang kuat antara pertumbuhan ekonomi dan kemajuan dalam petunjuk sosial bukan pendapatan. Hubungan yang kukuh hanya akan wujud antara pertumbuhan ekonomi dengan pengurangan kemiskinan pendapatan sahaja (Bourguignon et. al., 2008).

Apabila pengukuran kemiskinan kewangan gagal untuk menilai masalah kekurangan individu, maka ia tidak akan menjadi satu kerangka yang baik untuk mengukur masalah kemiskinan. Hal ini kerana, wujudnya kelemahan pada kerangka yang digunakan yang mengabaikan masalah kekurangan lain yang hadir secara serentak. Disebabkan masalah kekurangan dalam hidup hadir secara serentak, maka, ia perlu kepada satu ukuran yang lebih spesifik pada setiap dimensi kemiskinan yang wujud.

Walaupun sebelum ini telah dijelaskan bahawa kemiskinan pendapatan tidak mempunyai perkaitan dengan masalah kekurangan dimensi lain, namun Klasen (2000) mendapati wujudnya ketidakpadanan yang besar antara pendapatan dan kekurangan multidimensi di negara Afrika Selatan. Sebagai contoh, apabila 20.3% (7.7 juta orang) penduduk telah dikenal pasti mengalami masalah pendapatan yang teruk dan 20.3 % juga dikenal pasti mengalami masalah kekurangan multidimensi dan hanya 2.9% (1.1 juta orang) sahaja penduduk yang mengalami masalah dari kedua-dua jenis kekurangan ini. Tambahan pula, laporan MPI di negara Bhutan telah menunjukkan 12% daripada populasi penduduk di sana terdiri daripada miskin pendapatan dan 12.7% juga adalah daripada kemiskinan multidimensi (Alkire dan Klasen, 2013). Namun, hanya 3.2% sahaja penduduk di sana yang mengalami masalah kemiskinan dari kedua-dua jenis ini. Oleh itu, kaedah pengukuran kemiskinan perlu dirangka untuk kedua-dua jenis kemiskinan yang wujud kerana masalah kekurangan yang membawa kepada kemiskinan hadir secara serentak dan memerlukan satu kaedah ukuran yang lebih tepat.

Dalam mengukur kemiskinan multidimensi yang melibatkan penyebaran masalah kekurangan secara serentak, perlunya penyediaan data untuk unit analisis yang sama yang ingin dinilai dalam semua dimensi. Melihat kepada penyediaan data mengenai kemiskinan adalah terhad dan hanya disediakan pada setiap 3 - 10 tahun. Tambahan pula, kekurangan maklumat tentang kemiskinan dari dimensi kesihatan, pemakanan, pekerjaan, kekayaan dan kemahiran dianggap sebagai satu kesilapan dalam mengukur kemiskinan (Alkire, 2013). Justeru, perlunya data-data dimensi seperti ini untuk membentuk satu perancangan yang berimpak dan polisi penilaian kemiskinan yang lebih baik.

Permasalahan yang wujud dalam proses pengumpulan data kemiskinan adalah apabila data mengenai kemiskinan multidimensi tidak diambil berat dan kaji selidik kemiskinan hanya menggunakan kaji selidik sedia ada tanpa wujud penambahbaikan. Untuk penilaian lebih bersistematis adalah menggabungkan dan mengguna pakai kaji selidik antarabangsa yang mempunyai bentuk penilaian yang sama. Sebagai contoh, indikator bukan pendapatan dalam MDG diambil dari empat kaji selidik isi rumah antarabangsa seperti Kaji Selidik Latar Belakang dan Kesihatan (DHS), Kaji Selidik Kluster Pelbagai Indikator (MICS), Kaji Selidik Pengukuran Taraf Hidup (LSMS) dan Kaji Selidik Petunjuk Teras Kebajikan (CWIQ) (Sabina Alkire et.al., 2014).

Walaupun pelbagai kaji selidik yang berkualiti telah digunakan sebagai pengumpulan data kemiskinan, masih tiada kaji selidik yang mampu mengumpulkan data semua dimensi utama kemiskinan diperingkat antarabangsa (Alkire dan Samman, 2014). Tambahan pula, dengan ketersediaan data dan disertakan dengan peningkatan teknologi pemprosesan data membolehkan

penilaian dan analisis terhadap kemiskinan multidimensi dapat didedahkan dengan jelas walaupun dari tempoh yang lampau.

### **3.0 KONSEP DAN PEMBAHAGIAN MAQASID AL-SYARIAH**

Dalam mencapai kesejahteraan hidup yang sempurna, penilaian melalui konsep maqasid Syariah merupakan salah satu daripada cabang ilmu yang penting. Banyak ulama membahaskan tentang definisi maqasid Syariah secara terperinci dalam kitab-kitab tulisan mereka. Justeru, untuk memahami secara jelas tentang konsep maqasid Syariah, ia perlu dilihat melalui konteks definisi kedua-dua perkataan tersebut iaitu maqasid, Syariah dan maqasid Syariah.

Perkataan maqasid berasal daripada perkataan qasada-yaqsidi-qasdan-maqasadan yang membawa maksud perjalanan yang betul (al-Fayruzabadi, 2007). Ia berasal daripada perkataan maqsad dan maqsid yang merupakan perkataan jamak yang membawa maksud pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan (Ibn Manzur, t.t). Selain itu, perkataan maqasid juga sinonim dengan perkataan dalam bahasa-bahasa lain seperti telos (Greek), finalite (French) atau Zweck (Jerman) yang membawa maksud tujuan, objektif dan prinsip (Rudolf, 2001). Dalam bidang perundangan, maqasid didefinisikan sebagai tujuan, objektif, niat dan prinsip yang lahir melalui perundangan Islam (Jasser Auda, 2007). Maqasid juga membawa maksud berpegang kepada sesuatu atau mengarahkan kepada sesuatu yang lurus seperti mana dalam firman Allah SWT:

﴿ وَعَلَى اللَّهِ فَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا بَجَائِرٌ ۚ وَلَوْ شَاءَ هَذَا كُمْ أَجْمَعِينَ ﴾ ٩

(An-Nahl: 9)

*Terjemahan: Dan hal bagi Allah (menerangkan) jalan yang lurus, dan di antara jalan-jalan ada yang bengkok. Dan jika Dia menghendaki, tentulah Dia memimpin kamu semuanya (kepada jalan yang benar).*

Perkataan Syariah pula berasal daripada kata *kerja syara'a-yasyra'u-syar'an* yang mempunyai beberapa makna iaitu mencipta, menjelas dan menerang jalan-jalan (Al-Razi, 2010), sumber air yang mengalir dan tidak putus, menjelaskan ('Ali Jarishah, 1991), jalan yang lurus (Al-'Ashmawi, 1996). Dari sudut istilah pula, Syariah merupakan perintah yang telah diwahyukan oleh Allah SWT yang bermatlamat untuk menjaga kepentingan dan membawa rahmat serta kemaslahatan kepada setiap manusia sama ada di dunia dan di akhirat (Ibn Qayyim, t.t). Justeru, dalam konteks ini, maksud Syariah yang paling sesuai adalah menetapkan dan menjelaskan sesuatu yang membawa kepada kebenaran sesuai dengan firman Allah SWT:

﴿ شَرَعَ لَكُم مِّنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أُوحِينَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى ۖ لَا أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ۚ كَبُرُّ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۚ اللَّهُ يَعْلَمُ إِلَيْهِ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴾ ١٣

(Asy-Syura: 13)

*Terjemahan: Allah telah menerangkan kepada kamu – diantara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya – apa yang telah diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: tegakkanlah pendirian agama dan jangan kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya.*

Hasil gabungan kedua-dua perkataan ini membentuk satu lagi istilah iaitu Maqasid Syariah. Secara umumnya, maqasid Syariah membawa maksud segala tujuan disebalik kewujudan syariat

pada keseluruhannya dan disebalik setiap hukum di dalamnya satu per satu (Mahmood Zuhdi et.al., 2012). Terdapat ramai ulama' usul telah menjelaskan pendefinisian maqasid Syariah secara istilah antaranya al-Juwaini (1998), al-Ghazali (1937), Abu Ishaq al-Shatibi (1997), Ibn 'Ashur (1999), Fathi al-Durani (1987), al-Yubi (1998) dan al-Raisuni (1992) seperti dalam jadual dibawah:

**Jadual 2:** Pendefinisian Istilah Maqasid Syariah oleh Ulama

| No. | Ulama'                      | Pendefinisian Istilah Maqasid Syariah  |
|-----|-----------------------------|--|
| 1.  | al-Ghazali (1937)           | Memperkenalkan istilah <i>al-biżżeġ</i> (memelihara) untuk keperluan-keperluan itu. Beliau membahagikan <i>maqāṣid syariah</i> kepada penjagaan dan pemeliharaan kemaslahatan manusia yang meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta benda.             |
| 2.  | Fathi al-Durayni (1987)     | Nilai-nilai baik yang terkandung dalam semua nas yang merupakan matlamat kepada <i>tashri'</i> sama ada berbentuk <i>juz'i</i> atau <i>kulli</i> .   |
| 3.  | al-Raysuni (1992)           | Matlamat sebenar yang ingin dicapai berdasarkan kepada ketetapan hukum syarak dengan tujuan untuk mencapai kemaslahatan manusia.   |
| 4.  | Abu Ishaq al-Shatibi (1997) | membahagikan <i>maqāṣid syariah</i> kepada dua, objektif utama iaitu objektif tertinggi penggubal undang-undang iaitu Allah s.w.t dan objektif tertinggi manusia. Kategori tersebut adalah <i>daruriyyāt</i> , <i>hajjiyyāt</i> dan <i>tahsiniyyāt</i> .                         |
| 5.  | al-Juwaini (1998)           | memperkenalkan teori lima <i>darjat al-darūrat</i> (peringkat-peringkat keperluan) dan mengusulkan lima tujuan perundangan Islam iaitu, perlindungan terhadap keyakinan ('aqāid) manusia, jiwa, akal, aurat dan harta.   |
| 6.  | Al-Yubi (1998)              | makna-makna dan hikmat- hikmat dan seumpamanya yang syariah memeliharanya dalam pensyariatan sama ada secara umum atau khusus untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia.  |
| 7.  | Ibn 'Ashur (1999)           | merupakan pelbagai pengertian dan hikmah yang terkandung dalam hampir keseluruhan hukum syariah. Ia meliputi ciri-ciri, objektif utama dan nilai-nilai serta hikmah dalam syarak. Beliau mengategorikan maqasid kepada dua iaitu, <i>maqāṣid</i> umum dan <i>maqāṣid</i> khusus. |

Jadual 2 di atas menunjukkan pendefinisian istilah maqasid al-syariah oleh ulama-ulama terdahulu. Berdasarkan kesemua definisi yang dinyatakan di atas, maqasid Syariah berkait rapat dengan soal kemaslahatan manusia. Asas kewujudan konsep maqasid Syariah adalah untuk mencapai *maslahah* dan menolak *mafsadah* (mudarat). Dalam membicarakan soal kemaslahatan, terdapat pelbagai jenis kemaslahatan yang dibincangkan oleh ulama, namun terdapat 3 komponen utama dalam mengukur kemaslahatan manusia iaitu *daruriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*.


*Daruriyyat* adalah perkara yang menjadi keperluan yang tinggi dalam mencapai kesejahteraan hidup sehingga membawa ke suatu keadaan yang sangat memerlukan. Sekiranya keperluan di peringkat ini tidak dipenuhi, ia akan memberi kesan yang buruk dalam kehidupan manusia yang mana boleh membawa kepada kesengsaraan, kebinasaan, kemelaratan dan mengancam kehidupan manusia (Abd al-Wahab, 2009). Dibawah maslahah ini terdiri daripada lima perkara utama yang perlu dipelihara iaitu agama, (*ad-din*), jiwa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nas*) dan harta (*al-mal*) (Ibnu Salam, tt). Untuk menjaga agama, Allah telah mewajibkan pematuhan terhadap kesemua rukun Islam dan mewajibkan jihad. Untuk menteramkan jiwa, Islam telah mensyariatkan perkahwinan bagi mengelarkan generasi manusia, memberi makan minum dan pakaian. Penjagaan akal yang sihat pula, Islam menyarankan agar setiap umatnya menuntut ilmu pengetahuan . Bagi memelihara keturunan, islam telah mensyariatkan perkahwinan dan

mengharamkan zina dan qazaf. Seterusnya untuk mewujudkan harta, Islam telah mewajibkan setiap manusia untuk berusaha mencari rezeki yang halal (Anuar Ramli et.al., 2016).

*Hajiyyat* adalah perkara yang diperlukan dalam hidup sebagai pelengkap dalam mencapai kelapangan dan kemudahan dalam kehidupan. Sekiranya tidak diambil berat, ia juga mampu mendatangkan kesusahan dan kemudaratkan serta mengganggu kesempurnaan hidup manusia namun ia tidak sampai pada tahap yang memudaratkan kehidupan dan tidak seteruk kemudaratkan al-Daruriyyat (Al-Syatibi, 1996). Maslahah yang wujud dibawah hajiyyat boleh dilihat di dalam urusan ibadah, adat, dan muamalat. Dalam aspek ibadah, Islam mensyariatkan beberapa kemauhan (rukhsah) seperti solat jamak dan qasar bagi golongan musafir, tidak berpuasa Ramadan bago mereka yan sakit atau musafir, menyapu khuf sebagai ganti membasuh kaki Ketika berwuduk dan lain-lain lagi. Di Dalam Ibadat pula, diharuskan berburu dan bergembira dengan rezeki yang halal dalam makanan, pakaian dan kediaman. Bagi urusan muamalat pula, Islam membernarkan pelbagai kontrak atau akad yang bermatlamat untuk memenuhi keperluan manusia seperti jual beli, sewa, bersyarikat dan sebagaimana sebagaimana disyariatkan jalan-jalan bagi melepaskan tanggungjawab melalui sistem fasakh, menamatkan perkahwinan melalui perceraian kerana hajat atau keadaan mendesak dan diberi kuasa kepada wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih kecil kerana keperluan memilih pasangan yang sekufu (Anuar Ramli et.al., 2016).

*Tahsiniyat* merujuk kepada tingkah laku dalam sesuatu amalan yang baik dan terpuji serta menjauhi perkara-perkara yang dianggap tidak baik oleh akal yang sempurna (Al-Syatibi, 1996). Ia dianggap sebagai membantu dan menampung dalam usaha mencapai kemaslahatan dan berperanan sebagai pelengkap kepada pencapaian al-hajiyat dan al-daruriyyat (Al-Ghazali, 1993). Contoh perkara-perkara tahsiniat dapat dilihat berdasarkan situasi-situasi dalam ibadah, adat, dan muamalat. Dalam ibadah, Islam mensyariatkan bersuci dan menutup aurat di dalam solat, memamakai bau-bauan semasa di dalam masjid atau ditempat perkumpulan orang ramai. Dalam aspek adat pula, Islam menyarankan agar menjaga adab-adab makan dan minum, melarang dalam melampau batas dalam makan dan minum serta berpakaian. Seterusnya dalam urusan muamalat, Islam melarang jual beli barang najis dan yang meudaratkan, jual beli seseorang ke atas jual beli orang lain dan sebagaimana (Anuar Ramli et.al., 2016). Berdasarkan definisi ini, *al-tahsiniyat* merupakan kategori yang bersifat subjektif yang mana ia melibatkan aspek-aspek tingkah laku, sikap dan pemikiran manusia.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dalam membincangkan kemaslahatan manusia berdasarkan perspektif manusia, terdapat 3 komponen utama yang perlu diberi perhatian iaitu komponen *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyat*. Daruriyyat merupakan komponen asas utama yang perlu diberi penekanan kerana ia berkait rapat dengan soal penjagaan 5 perkara darurat dalam mengukur kemaslahatan manusia iaitu agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Secara ringkasnya konsep maqasid Syariah dijelaskan dalam rajah 2 dibawah:



Rajah 2: Maqasid al-Syariah  
Sumber: Olahan daripada Jasser Auda (2007)

## **4.0 ANALISIS PENGUKURAN KEMISKINAN MULTIDIMENSI MENURUT MAQASID AL-SYARIAH**

Secara umumnya, maslahah berdasarkan *maqasid al-daruriyyat* merupakan suatu perkara yang bermatlamatkan syarak untuk memelihara kepentingan 5 perkara iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta bagi mendapatkan kebaikan serta menghindari keburukan terhadap manusia, sebaliknya jika sesuatu yang tidak berpandukan kepada syarak dan membawa kepada keburukan, maka ia dianggap sebagai mafsadah. Analisis indeks kemiskinan multidimensi daripada perspektif *maslahah al-daruriyyat* merujuk kepada kesan terhadap dimensi ini kepada ahli isi rumah dalam soal penjagaan kepentingan 5 perkara yang dinyatakan di atas.

Pertama, Pendidikan merupakan dimensi yang penting dalam membina kesejahteraan hidup kerana ia memainkan peranan dalam soal pemeliharaan 5 perkara daruriyyat. Islam tidak melihat pendidikan dari skop yang sempit kerana ia tidak terbatas kepada pendidikan dunia semata-mata bahkan ia meliputi dua lapangan, iaitu di dunia dan di akhirat. Islam membahagikan ilmu kepada dua aliran iaitu ilmu yang berbentuk *fardu 'ain* yang dituntut ke atas setiap manusia supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah dan sebagainya serta ilmu yang berbentuk *fardu kifayah* iaitu ilmu yang perlu ada pada sekumpulan manusia dalam masyarakat tanpa meletakkan kewajipan ke atas setiap individu untuk mempelajarinya seperti ilmu pertukangan, kemahiran, perniagaan, kedoktoran, ekonomi, fizik, astronomi, dan lain-lain lagi yang boleh mendatangkan manfaat kepada manusia (Ahmad Munawar dan Noranizah, 2012).

Melalui penekanan terhadap ilmu *fardu ain* dalam sistem pendidikan, ia akan lebih bersifat komprehensif dalam menjaga kemaslahatan agama dan jiwa yang merupakan cabang daripada Maqasid Syariah kerana ia meliputi aspek rohani dan jasmani yang menjadi elemen penting dalam pembangunan sahsiah manusia. Melalui paradigm aini, tidak terlepas daripada tujuan utama penciptaan manusia yang dilakukan oleh Allah SWT yang bertujuan sebagai penyerahan diri secara ikhlas kepada Nya yang bermatlamatkan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat seperti dalam firmanya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْمَلُونَ ﴿٥٦﴾

(al-Zariyyat, 51:56)

Terjemahan: “Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”

Justeru, kedua-dua aliran pendidikan (*fardu ain* dan *fardu kifayah*) haruslah seimbang dan tidak boleh berat sebelah bagi memastikan kemaslahatan agama dan jiwa dapat dipelihara. Hal ini kerana, penerapan pendidikan Islam akan memastikan nilai-nilai agama dapat diterapkan dalam diri manusia dan mewujudkan ketaqwaan dalam diri sebagai matlamat utama yang harus dicapai.

Tambahan pula, penguasaan ilmu dunia (*fardu kifayah*) juga tidak kurang pentingnya sebagai mengangkat kredibiliti manusia seiring dengan perubahan zaman dan masa. Penguasaan ilmu dunia sangat digalakkan oleh Islam untuk dipelajari sebagai memberi cerminan imej yang baik kepada Islam di samping menjaga keseimbangan dunia dan ukhrawi. Walau bagaimanapun, penguasaan ilmu *fardu kifayah* tidak boleh bertentangan dengan landasan ilmu *fardu ain* sehingga ia menghalalkan apa yang diharamkan dan mengharamkan apa yang dihalalkan dalam Islam. Penguasaan ilmu *fardu ain* dan *fardu kifayah* harus selari dan tidak bercanggah di antara satu sama lain bagi memastikan umat manusia mencapai kejayaan yang direhdai oleh Allah SWT. Hal ini bagi memastikan Maqasid Syariah melalui penjagaan akal manusia dapat dipelihara agar mencapai kejayaan dalam ilmu dunia. Penjagaan akal yang sempurna melalui Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembinaan tamadun manusia agar umatnya sentiasa

menutut apa jua ilmu serta menyelidiki sesuatu perkara untuk membangunkan diri dan agama. Hal ini dibuktikan di dalam wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW yang bermaksud:

اَقْرَأْتَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اَفْرَأَتْ وَرَبَّكَ  
الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ ﴿٤﴾ عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾  
(al-'Alaq: 96:1-5)

*Terjemahan: Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan (sekalian makhluk) (1) Ia menciptakan manusia dari sebuah darah beku (2) Bacalah, dengan nama Tuhanmu Yang Maha Pemurah (3) yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan (4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya (5)*

Justeru, sebagai pengukuran kemiskinan yang mementingkan kemaslahatan dari sudut agama, jiwa dan akal, indikator kemiskinan multidimensi dalam dimensi pendidikan iaitu tahun persekolahan dan kehadiran sekolah perlulah mengambil kira kedua-dua bentuk pendidikan iaitu pendidikan fardu 'ain dan fardu kifayah bagi memastikan Maqasid Syariah dalam pemeliharaan agama, akal dan jiwa dapat dipelihara.

Seterusnya, kesihatan adalah elemen kedua yang penting dalam memenuhi keperluan hidup dan penjagaan perkara daruriyyat. Islam amat menitik beratkan soal penjagaan kesihatan kerana dengan tubuh badan yang sihat akan dapat memberi peluang kepada manusia untuk melaksanakan ibadah secara sempurna. Penjagaan kesihatan memberi kesan terhadap kualiti ibadah kerana ibadah yang sempurna perlu diaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Islam. Apabila ibadah dilaksanakan secara sempurna secara tidak langsung ia telah membantu pemeliharaan kemaslahatan agama seperti yang ditekankan dalam Maqasid Syariah. Tambahan pula, penjagaan kesihatan juga dianggap sebagai satu tuntutan hak yang mendasar bagi manusia iaitu hak untuk hidup. Setiap manusia perlu menjaga kesihatan diri baik secara mental mahupun fizikal disamping mengelakkan diri daripada terjebak dalam perkara-perkara yang boleh menyakiti diri atau meragut nyawa orang lain tanpa mengira umur dan jantina. Hal ini berkait rapat dengan soal pemeliharaan nyawa seperti yang ditekankan dalam Maqasid Syariah.

Islam amat menekankan ke atas setiap umatnya untuk segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang penyakit dan rawatan yang diperolehi perlulah daripada sumber yang halal. Hal ini bertepatan dengan hadith daripada Abi Darda' RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدِّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوْاءً فَتَدَاوِوا وَلَا تَدَاوِوا بِحَرَامٍ

*Maksudnya: "Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan menurunkan ubat, serta menyediakan ubat bagi setiap penyakit, maka berubatlah, dan jangan berubat dengan sesuatu yang haram". (Abu Dawud, Bab Fi al-Adwiyyat al-Makruhah, No. 3876)*

dan sabda lain sepertimana yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شَفَاءَكُمْ فِيمَا حَرَمَ عَلَيْكُمْ

*Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidaklah menjadikan kesembuhan kamu dalam sesuatu yang dibaramkan". (Al-Bayhaqiy, Bab al-Nahy An al-Tadawiyah Bi al-Muskrat, No. 20171)*

Berdasarkan hadith di atas, setiap penyakit yang wujud di dunia ini ada penawarnya, cuma manusia perlu berikhtiar untuk mendapatkan rawatan malah setiap penawar daripada penyakit yang wujud adalah daripada sumber yang halal. Justeru, manusia perlu mendapatkan rawatan di tempat-

tempat yang berdaftar dan berautoriti untuk merawat sebarang penyakit yang dihadapi oleh mereka agar sebarang ubat-ubatan yang diperolehi adalah daripada sumber yang halal, suci dan selamat. Akses rawatan kesihatan adalah keperluan yang penting dalam kesejahteraan hidup manusia terutamanya dalam soal pemeliharaan nyawa dan keturunan dari perspektif Maqasid Syariah. Hal ini kerana, apabila berbicara soal penyakit ia berkait rapat dengan soal kematian. Apabila setiap ahli keluarga mendapat rawatan kesihatan yang baik secara tidak langsung kemaslahatan nyawa dan keturunan akan dapat dijaga.

Selain aspek rawatan kesihatan, pemeliharaan nyawa dan keturunan dapat dilihat melalui pengambilan nutrisi yang seimbang bagi menjamin kesihatan yang berpanjangan. Pertumbuhan *Body Mass Index* (BMI) badan yang baik perlulah seiring dengan pengamalan makanan secara sihat dan seimbang. Diet seimbang merujuk kepada pengambilan sajian makanan yang mengandungi bahan dan zat makanan dalam kuantiti yang cukup dalam kadar yang betul bagi mengekalkan kesihatan disamping menggalakkan tumbesaran. Makanan yang seimbang penting sebagai bekalan sumber tenaga, menghindari penyakit serta membina sel-sel dan tisu-tisu untuk pertumbuhan anggota badan manusia supaya lebih sihat dan cergas. Apabila setiap manusia mendapat dan mengamalkan nutrisi yang seimbang dan lengkap, ia memberi kesempatan kepada manusia untuk melakukan aktiviti harian secara sempurna termasuk amalan ibadah sebagai pemeliharaan agama dan menjamin kesejahteraan hidup sebagai pemeliharaan nyawa dan keturunan.

Walau bagaimanapun, dalam aspek pemakanan Islam amat menitikberatkan soal sumber makanan yang diperolehi. Umat Islam perlu mengambil berat tentang permakanan yang halal supaya tidak terjerumus ke dalam perkara yang haram sebagaimana firman Allah swt:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُومَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ

﴿١٦٨﴾  
مُبِينٌ

(al-Baqarah, 2:168)

*Terjemahan: Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan, kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Selain pemilihan jenis makanan yang sihat dan seimbang, pemilihan sumber makanan juga perlulah menepati ketentuan syarak berdasarkan ciri-ciri halal, suci dan berkualiti. Justeru, dalam aspek nutrisi, pemakanan yang sihat haruslah melihatkan kepada 2 perkara iaitu jenis makanan dan sumber makanan. Ciri-ciri sumber makanan yang halal, suci dan berkualiti dijelaskan seperti berikut:

1. Tiada nas yang menjelaskan tentang pengharaman sesuatu makanan tersebut sama ada dalam al-Quran atau al-Sunnah.
2. Tidak memudaratkan kesihatan rohani dan jasmani.
3. Binatang perlu disembelih dengan nama Allah swt untuk dimakan.
4. Bebas daripada unsur-unsur najis dan dari sumber babi atau binatang yang disembelih atau diburu tanpa mematuhi hukum syarak.
5. Menghindari makanan yang syubhah sama ada daripada aspek fizikal atau cara penyediaan.
6. Sentiasa memilih makanan yang berkhasiat, suci dan bersih.

Oleh yang demikian, pengukuran kemiskinan multidimensi melalui elemen kesihatan mementingkan kemaslahatan dari sudut agama, nyawa dan keturunan. Justeru, indikator dalam dimensi kesihatan iaitu nutrisi dan kematian kanak-kanak adalah pengukuran yang mementingkan

penjagaan agama, nyawa dan keturunan. Apabila setiap ahli mendapat nutrisi yang baik ia dapat membantu meningkatkan keupayaan dalam beribadat untuk menjaga agama disamping ia dapat mengurangkan kadar kematian disebabkan penyakit yang merupakan salah satu usaha dalam menjaga kesejahateraan nyawa dan keturunan seperti yang ditekankan dalam Maqasid Syariah.

Ketiga, dalam dimensi taraf hidup pula, skop dan indikator dalam dimensi taraf hidup memainkan peranan dalam soal penjagaan perkara daruriyyat dari aspek agama, harta dan keturunan. Islam ymerupakan sebuah agama yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Justeru, segala kejadian dan penciptaan yang dilakukan oleh Allah swt termasuklah penghasilan sumber kekayaan bumi adalah untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Manusia yang mempunyai pemahaman yang tinggi tentang agama pasti akan berpegang teguh dengan pendirian bahawa pemilik mutlak bagi setiap hasil bumi ini adalah milik Allah swt secara hakiki dan manusia berperanan untuk menjalankan amanah dalam menunaikan tanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan setiap hasil kekayaan bumi berlandaskan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh-Nya (Yazid Ahmad dan Ibnor Azli Ibrahim, t.t.). Taraf hidup manusia adalah gambaran tentang keadaan sosio-ekonomi manusia kerana apabila manusia mampu memenuhi keperluan hidup dengan baik ia memberikan cerminan taraf hidup yang sempurna. Dalam dimensi taraf hidup terdapat 6 indikator yang dilihat mempunyai kepentingan dalam meningkatkan taraf hidup manusia iaitu bahan bakar memasak, sanitasi, air bersih, elektrik, rumah dan aset.

Setiap hasil bumi adalah harta yang berharga kepada manusia. Islam mengkategorikan harta dalam 2 keadaan iaitu sesuatu yang dimiliki dan dapat dimanfaatkan secara langsung dan sesuatu yang mampu untuk dimiliki walaupun bukan secara langsung selagi mana manusia boleh mendapatkan manfaat daripadanya. Sesuatu hasil bumi itu tidak diiktiraf sebagai harta sekiranya terdiri daripada situasi-situasi seperti berikut:

1. Sesuatu yang tidak boleh dimiliki walaupun dapat menerima manfaat daripadanya seperti air, udara dan cahaya matahari.
2. Sesuatu yang boleh dimiliki tetapi tidak boleh dimanfaatkan seperti sebiji beras.
3. Sesuatu yang boleh dimiliki tetapi dilarang oleh syarak untuk mengambil manfaatnya seperti bangkai dan najis dan;
4. Sesuatu yang boleh dimiliki dan dimanfaatkan oleh sebahagian golongan manusia sahaja seperti babi dan arak.

Dalam konteks keperluan hidup, harta dapat difahami sebagai sesuatu yang boleh dimiliki dan dimanfaatkan dalam semua aspek sama ada ia dinilai dengan harga dan jenis seperti aset iaitu simpanan, tanah, kediaman, perniagaan, saham, atau dalam bentuk barang seperti pakaian, kenderaan, peralatan teknologi dan telekomunikasi, peralatan dan perabot kediaman. Para fuqaha telah mengkategorikan harta kepada pelbagai jenis mengikut aspek-aspek tertentu seperti berikut:

1. Bernilai dan tidak bernilai daripada aspek hukum.
2. Harta alih dan harta tidak alih daripada aspek kedudukan.
3. Ada bandingan dan tiada bandingan daripada aspek persamaan dan;
4. Kekal dan tidak kekal daripada aspek sifat fizikal.

Berdasarkan aspek-aspek yang dijelaskan di atas, harta adalah setiap sesuatu yang boleh dimiliki atau dikuasai, dimanfaatkan dan halal disisi agama Islam serta mempunyai nilai yang tersendiri serta manusia cenderung untuk memperolehnya. Islam tidak menghalang umatnya untuk mengumpul kekayaan kerana di dalam Maqasid Syariah sendiri menekankan penjagaan harta sebagai salah satu daripada maslahah daruriyyat. Walau bagaimanapun, setiap manusia perlu sedar

bagaimana kedudukan dan status harta yang telah dikurniakan oleh Allah swt. Kedudukan dan status harta telah dinyatakan dalam al-Quran seperti berikut (Chorunnisak, 2017):

1. Harta adalah simpanan kerana manusia tidak mampu untuk menghasilkan harta tetapi perlu dikumpul. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bagi manusia untuk menginfakkan sebahagian harta yang diperolehi kepada golongan yang memerlukan.
2. Harta adalah perhiasan hidup yang membenarkan manusia untuk menikmati secara optimum tanpa berlebihan. (Ali-Imran: 14)
3. Harta adalah ujian keimanan yang berkait rapat dengan soal kaedah memeperolehi dan memanfaatkannya selaras dengan tuntutan syarak. (Al-Anfal: 28)
4. Harta adalah ibadah di mana ia merupakan salah satu cara untuk mendapatkan redha Allah swt melalui pelaksanaan infak, sedekah dan zakat. (At-Taubah 14 dan 134)

Selain itu, Islam tidak memandang harta kekayaan seperti pandangan golongan pesimis dan antipasti serta tidak juga memandang dari perspektif materialistik yang berlebih namun, Islam memandang pengumpulan harta kekayaan sebagai tiang pembinaan kehidupan yang lebih sejahtera, pemberian manfaat kepada manusia, ganjaran dan nikmat yang diberikan oleh Allah swt kepada hambanya dan merupakan ujian dalam kehidupan manusia (Wening Purtabin, 2013). Islam tidak menghalang manusia untuk mengumpul harta kekayaan selagi mana mereka berpegang teguh dengan 3 pendirian seperti berikut (Chorunnisak, 2017):

1. Sedar bahawa pemilik mutlak adalah Allh swt dan manusia hanya mengurus dan mengagihkan sama rata untuk dinikmati oleh semua.
2. Kaedah pengumpulan dan pengambilan manfaat harta haruslah diatur seara adil.
3. Harta persendirian boleh dinikmati secara umum selagi mana pemilik harta tersebut menerima imbalan yang sewajarnya.

Seterusnya, dalam aspek kediaman, rumah adalah salah satu anugerah Allah SWT yang sangat tinggi nilainya kepada manusia. Ia merupakan keperluan asas penting yang menghimpunkan segala keperluan asas lain. Rumah memainkan peranan sebagai tempat perlindungan daripada sebarang ancaman yang mampu menggugat keselamatan manusia yang merupakan penekanan terhadap penjagaan nyawa dari perseptif Maqasid Syariah. Selain itu, kediaman juga berfungsi sebagai tempat penyimpanan sumber makanan yang boleh digunakan dari semasa ke semasa seperti dalam firman Allah swt yang bermaksud:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ يُبُوتُكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخْفُوهَا يَوْمَ ظَغْنِكُمْ  
وَيَوْمَ إِقَامَتُكُمْ بِوَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثَاثًا وَمَتَاعًا إِلَى حِينٍ ﴿٨٠﴾

(an-Nahl 16: 80)

*Terjemahan: Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah yang kamu dirikan itu tempat tinggal dan menjadikan bagi kamu dari kulit binatang- binatang ternak khemah (tempat berteduh) dan menjadikan bagi kamu berbagai-bagai barang perkakas rumah dan perhiasan (untuk kamu menggunakan ke suatu masa).*

Dalam menilai kualiti sesebuah rumah, terdapat 3 kualiti yang diperlu ditekankan dalam membentuk sesebuah rumah yang baik iaitu wujudnya kualiti pada elemen sosial (hubungan sesama ahli isi rumah), intelektual (teknologi) dan spiritual iaitu hubungan dengan Allah (Suhaimi et.al., 2011). Islam menitikberatkan aspek keseimbangan fizikal dan rohaniah dalam membangunkan sesebuah rumah kediaman. Kedua-dua keseimbangan ini menjadi asas kepada kesejahteraan hidup

berkeluarga. Kesimbangan fizikal merujuk kepada aspek perancangan struktur dan reka bentuk serta pembinaan sesebuah rumah kediaman. Pelbagai faktor perlu diambil kira dalam menjaga keseimbangan fizikal rumah termasuklah pemilihan kawasan, spesifikasi reka bentuk, mutu bahan binaan dan sebagainya bagi memastikan penghuni yang mendiami rumah tersebut menikmati kebahagiaan hidup yang optimum. Hal ini pernah dijelaskan oleh Rasulullah saw tentang ukuran penting dalam mencapai kebahagiaan hidup seseorang seperti dalam hadith yang diriwayatkan oleh Nafi' bin Abdul Harith daripada Rasulullah SAW bersabda:

**من سعادة المرء المسكن الواسع، والجار الصالح، والمركب الهنيء**

*“Dan antara kebahagian individu ialah jiran yang baik, kenderaan yang selesa dan kediaman yang luas”. (Riwayat al-Bukhari (457) di dalam al-Adab al-Mufrad, Ahmad ibn Hanbal, 1998, no: 15446)*

Setiap perkara mudarat sama ada yang bersifat umum mahupun khusus perlu dielakkan sebagai menjaga kestabilan rohaniah. Ulama telah membincangkan beberapa hukum dalam perkara-perkara *hak al-irtifaq* yang perlu diambil berat oleh setiap penghuni di dalam rumah iaitu *haqq al-shurb* (air minuman dan siraman), *haqq al-majra* (saluran air bersih), *haqq al-masil* (saliran air kotor), *haqq al-murur* (laluan jalan) dan *haqq al-jiwar* (kejiranan). Seseorang itu diberi kebebasan untuk membina, mengubahsuai atau menambah binaan ke atas rumah kediaman asalkan tidak keterlaluan yang boleh memudaratkan pihak lain daripada aspek keselamatan binaan pada hak-hak tersebut (Zahari Mahad, 2016).

Keperluan dan kemampuan individu merupakan perkara asas yang perlu dinilai dalam membina sesebuah rumah kediaman yang selamat. Ia bergantung kepada taraf sosio ekonomi setempat bagi setiap individu. Walau bagaimanapun, secara umumnya, apa yang perlu diberi perhatian dalam aspek pembinaan rumah kediaman perlulah mematuhi beberapa aspek seperti berikut (Zahari Mahad, 2016):

1. Keluasan kediaman bersesuaian dengan ahli isi rumah yang tinggal di dalamnya.
2. Perhiasan dalam kediaman tidak keterlaluan dan dekorasi pada perkara-perkara yang tidak diperlukan.
3. Setiap ruang kediaman berfungsi dalam setiap urusan kehidupan.
4. Tidak menggunakan kawasan tanah yang besar sedangkan keperluan hanyalah sedikit.
5. Penggunaan bahan binaan yang bersesuaian mengikut kemampuan.

Selain itu, struktur fizikal rumah memberi impak ke atas kehidupan sosial manusia. Sesebuah rumah kediaman yang lengkap perlulah mempunyai beberapa ruang asas yang memainkan fungsi yang tersendiri seperti dapur, ruang rehat, ruang makan, bilik tidur dan bilik air untuk melaksanakan aktiviti domestik dan interaksi sesama ahli. Saiz ruang dan struktur rumah ini juga bergantung kepada tahap sosio ekonomi penghuni dan lokasi kediaman tersebut dan perlu mengambil kira faktor-faktor yang ditekankan dalam Islam seperti faktor jantina, usia dan jenis aktiviti di dalam rumah (Zahari Mahad, 2015). Justeru keluasan ruang, bilangan bilik, reka bentuk dan struktur rumah tersebut perlu diambil kira agar bersesuaian dengan saiz isi rumah yang mendiami.

Pembinaan sesebuah rumah seharusnya berasaskan niat yang betul untuk menjadikannya sebagai tempat perlindungan, berehat dan beribadah. Islam tidak meletakkan satu spesifikasi ukuran keluasan dalam membina rumah asalkan ia tidak menggunakan kawasan yang besar sedangkan keperluan penggunaan ruang adalah sedikit. Sebarang bentuk pembinaan yang membawa kepada riak, menunjuk-nunjuk dan pembaziran adalah ditegah seperti sabda Nabi Muhammad SAW:

إِنَّ الْمُسْلِمَ لِيُؤْجِرُ فِي كُلِّ شَيْءٍ يَنْفَقُهُ، إِلَّا فِي شَيْءٍ يَجْعَلُهُ فِي هَذَا التَّرَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya setiap Muslim akan diberi ganjaran pada setiap apa yang dinajakkan melainkan sesuatu yang dijadikan pada tanah ini (binaan). (al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab: Tamanni al-Marid al-Mawt, no: 5672)

Tambahan pula, melihatkan kepada fungsi dan peranan ruang, melalui beberapa nas syarak menunjukkan bilangan minimum bilik tidur adalah sebanyak 3 buah iaitu bilik ibu bapa, bilik anak-anak lelaki, dan bilik anak-anak perempuan. Bilangan tandas juga digalakkkan mengikut bilangan bilik yang minimum. Asas pembahagian ini melihatkan kepada prinsip privasi (masa peribadi) dalam sesebuah rumah kediaman seperti dalam firman Allah swt yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَأْذِنُكُمْ مَلَكُتُ أَمْانَكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ هَذِهِ مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ شَيَّابُكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ هَذَلَاثَ عَوْزَاتٍ لَكُمْ هَذِهِ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ هَذِهِ طَوَافُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ هَذِهِ كَذِلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ هَذِهِ اللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾  
(al-Nur 24:58)

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu: sebelum sembahyang subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari dan sesudah sembahyang Isya'. (Itulah) tiga aurat bagi kamu. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selain (tiga waktu) itu. Mereka melayani kamu, sebahagian kamu (ada keperluan) kepada sebahagian (yang lain). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat bagi kamu. Dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana.

Berdasarkan ayat di atas, Allah swt telah menjelaskan terdapat tiga masa tertentu bagi mereka yang masih belum baligh untuk keluar masuk di ruang bilik ibu bapa atau orang dewasa iaitu sebelum subuh (awal pagi), waktu tengah hari (waktu rehat) dan selepas isyak (waktu tidur). Faktor masa menjadi salah satu elemen privasi dalam sesebuah rumah kerana ia melibatkan interaksi dan hubungan sesama penghuni di dalam rumah tersebut. Terdapat juga dalam hadith Rasulullah saw yang menegaskan untuk mengasingkan tempat tidur sepertimana yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Amr Ibn al-'As, bahawa Rasulullah SAW bersabda:


مَرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرَقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat Ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mengabaikannya Ketika berumur sepuluh tahun. Bezakanlah antara mereka (mengikut jantina) di tempat tidur. (Abu Dawud, Kitab al-Salat, Bab: muru awladakun bi al-salah, no: 495)

Berdasarkan hadith di atas, ia memberi peringatan bahawa pengasingan tempat tidur perlu dilakukan di antara ahli isi rumah yang berbeza jantina. Hal ini kerana, tidur merupakan salah satu aktiviti yang berbentuk peribadi malah mana-mana aktiviti peribadi lain yang bersifat sulit perlu diasangkan di antara lelaki dan perempuan. Pengasingan tempat tidur ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara sumbang mahram dan percampuran yang terlalu bebas di antara ahli isi rumah yang berlainan jantina (Zahari Mahad, 2015). Hal ini secara tidak langsung dapat memnjaga kemaslahatan dari aspek keturunan agar setiap ahli keluarga tidak terjebak dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan keturunan. Oleh itu, melihatkan kepada indikator yang wujud dalam pengukuran kemiskinan dari dimensi taraf hidup, ia berperanan sebagai

menjaga kemaslahatan manusia dari aspek harta, nyawa dan keturunan. Pemilikan asset berperanan sebagai pemeliharaan harta dan menjaga kelangsungan hidup pada keturunan, air, elektrik, bahan bakar memasak merupakan elemen kelangsungan hidup dalam pemeliharaan nyawa dan kediaman yang lengkap sebagai pelindung keselamatan untuk memelihara nyawa dan keturunan.

Berdasarkan hasil daptan di atas, setiap indikator dalam indeks kemiskinan multidimensi dilihat mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam menjaga kemaslahatan hidup manusia. Dimensi pendidikan memainkan peranan dalam soal pemeliharaan kemaslahatan agama, akal dan nyawa. Dimensi kesihatan pula mementingkan penjagaan kemaslahatan agama, nyawa dan keturunan manakala dimensi taraf hidup mementingkan kemaslahatan harta, nyawa dan keturunan. Secara ringkasnya indeks kemiskinan multidimensi yang berteraskan perspektif Maqasid Syariah diringkaskan seperti dalam rajah 3 dibawah:



Rajah 3: Analisis Kemiskinan Multidimensi Global Berteraskan Maqasid Syariah  
Sumber: Olahan Pengkaji

## 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengukuran kemiskinan multidimensi merupakan salah satu pengukuran alternatif dalam mengukur kemiskinan isi rumah selain daripada aspek kewangan. Hakikat kemiskinan dapat digambarkan dengan lebih jelas dan menyeluruh melalui pengukuran kemiskinan multidimensi berbanding pengukuran kemiskinan unidimensi (Mahmood et.al., 2010). Ini dibuktikan berdasarkan kaedah pengiraan kemiskinan unidimensi hanya memberikan satu nilai yang menunjukkan jumlah individu yang miskin manakala dalam ukuran kemiskinan multidimensi dapat menjelaskan dimensi apa yang menjadi punca kepada berlakunya kemiskinan ke atas seseorang individu (Siti Hadijah Che Mat et.al., 2012). Kemiskinan adalah kunci utama dalam penjagaan lima elemen maqasid Syariah iaitu menjaga agama, akal, diri, keturunan dan harta dan ia berada pada tahap keperluan maslahah daruriyyat. Bagi mencapai satu pengukuran kemiskinan yang lebih komprehensif, kemiskinan tidak cukup hanya dengan melihat pada aspek operasi semata-mata namun ia perlu dilihat dari sudut falsafah Islam agar pengukuran yang dilaksanakan benar-benar membantu dalam mengurangkan insiden kemiskinan manusia terutamanya di Malaysia.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Malaya (UM) di atas sokongan berterusan dalam kajian ini. Kajian ini dibiayai oleh skim biasiswa UM Student Financial Aid dibawah Universiti Malaya.

## Rujukan

- Abu Sulayman, Abdul Wahhab. 2009. *al-Maqasid fi Manasik*. London: Muassasah al-Furqan.
- Al-‘Ashmawi, Muhammad Sa’id. (1996). *Al-Syari’ah al-Islamiyyah wa al-qanun al-misri*. Mesir: Maktabah Madbuli al-Saghir.
- al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Isma’īl al-Ju‘fī. (2002). *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- ‘Ali Jarishah. (1991). *Al-Mashru’iyah al-Islamiyyah al-Ulyā*. (Mesir: Dar al-Wafa’).
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1937). *al-Mustasfa min Ḥilm al-Usul*. Baghdad: Maktabat al-Muthanna.
- Al-Raisūnī, Ahmad. (1995). *Nazariyyat al-maqāsid ‘inda al-imām al-Shātibi*. Riyadh: Al-Dār al-Alamiah li al-Kitāb al-Islāmi.
- Al-Razi, Abi Bakr Muhammad Shamsuddin. (2010). *Mukhtar al-Sibab*. Damsyiq: Dār al-Fayha.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Yūbī, Muhammad Said. (1998). *Maqāsid al-shari’ah al-islāmiyyah wa ‘alāqatuha bi al-‘adillah al-shar’iyyah*. Riyadh: Dār al-Hijrah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1996). *Usul al-fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Abdolrasul Shirvanian dan Mohammad Bakhshoodeh. (2012). Investigating Poverty in Rural Iran: The Multidimensional Poverty Approach. *Agricultural Sciences*, 3(5), 640-650.
- Aemy Liza Minhat. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyiba Dengan Akhlak*. Tesis Sarjana. Skudai: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. (2012). Sumbangan Pendidikan Dalam Memperkasakan Tamadun Bangsa: Perspektif Islam. *Jurnal Sosiohumanika*, 5(1), 107-122.
- Alkire, S. and Foster, J. (2007). Counting and Multidimensional Poverty Measurement'. OPHI Working Paper 7, Oxford University.
- Alkire, S. and Santos, M. E. (2010). Acute Multidimensional Poverty: A New Index for Developing Countries. OPHI Working Paper 38. Oxford Poverty and Human Development Initiative. University of Oxford.
- Alkire, S. dan Klasen, S. (2013). ‘The Multidimensional Poverty Index (MPI) and Monetary Poverty: Dynamic Comparisons from 12 country studies’. *Mimeo*
- Alkire, S. dan Samman, E. (2014) ‘Mobilising the Household Data Required to Progress toward the SDGs’. OPHI Working Paper 72, Oxford University.
- Alkire, S. dan Santos, M.E. (2014). Measuring Acute Poverty in the Developing World: Robustness and Scope of the Multidimensional Poverty Index. *World Development*, 59, 251-274.
- Alessio Fusco. (2003). On the Definition and Measurement of Poverty: The Contribution of Multidimensional Analysis. *3rd Conference on the Capability Approach: From Sustainable Development to Sustainable Freedom, University of Pavia, Lombardy*. Lombardy.
- Azman Ab Rahman dan Muhammad Ridhwan Ab Aziz. (2016). *Pembasmian Kemiskinan Berdasarkan Maqasid Syariah*. Nilai: Penerbit USIM.
- Bourguignon, F. et. al. (2010). ‘Millennium Development Goals: An Assessment’, dalam R. Kanbur and M. Spencer (eds.), *Equity and Growth in a Globalizing World*. World Bank, ch. 2.
- Bradshaw, J. dan Finch, N. (2003). ‘Overlaps in Dimensions of Poverty’. *Journal of Social Policy*, 32(4): 513–525.

- Chamhuri Siwar. (2000). Kajian Keberkesanan Pendekatan-Pendekatan Pembasmian Kemiskinan di Malaysia. Kertas Kerja Muzakarah *Penggubalan Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 12-68.
- Choirunnisak. (2017). Konsep Pengelolaan Kekayaan Dalam Islam. *Jurnal Islamic Banking*, 3(1), 27-44.
- Diana K.L. Ngo. (2018). A Theory-Based Living Standards Index for Measuring Poverty in Developing Countries. *Journal of Development Economic*, 130(1), 190-202.
- Drèze, J. and Sen, A. (2013). Uncertain Glory: India and its Contradictions. Allen Lane.
- Fairuzabadi, Muhammad Ibn al-Yaqub. (2007). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyah.
- Falak Sher et.al (2014). An Investigation of Multidimensional Energy Poverty in Pakistan: A Province Level Analysis. *International Journal of Energy Economics and Policy*, 4(1), 65-75.
- Ranco, S. et.al. (2002) Alternative Realities? Different Concepts of Poverty, Their Empirical Consequences and Policy Implications. *Queen Elizabeth House*.
- Ibn Salam, Izz al-Din ‘Abd Aziz. (t.th). *Qawaaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Ibn Manzur. (1996). *Lisan al-‘Arab* (cet. berwarna). Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (t.t). *I‘lām al-muwaqqi‘īn*. Kaherah: Idaran al-Tibā‘ah al-Muniriyyah.
- Jasser Auda. (2007). *Maqāsid al-shari‘ah As Philosophy Of Islamic Law: A Systems Approach*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Katzman, R. (1989). ‘La Heterogeneidad de la Pobreza. El Caso de Montevideo’. Revista de la Cepal, 37: 141–152.
- Klasen, S. (2000). ‘Measuring Poverty and Deprivation in South Africa’. *Review of Income and Wealth*, 46(1): 33–58.
- Muhammad Suhaimi Musa et.al. (2011). “Prinsip Islam DI Dalam Ruang Kediaman Muslim”. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo IV, Universitas Mulawarman, Kalimantan Timur, Indonesia.
- Mahmod Othman et.al. (2010). “Fuzzy Index Poverty (FIP): Measuring Poverty in Rural Area of Terengganu. 2010 International Conference on User Science and Engineering (i-USer), *Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Shah Alam*. Shah Alam.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid et.al. (2012). *Maqasid al-Syari‘ah*. Selangor: IIUM Press.
- Mohd Anuar Ramli et.al. (2016). “Pemakaian Maqasid AL-Shariah (Objektif Syariah) Sebagai Seismograf Dalam Penilaian Isu Semasa. Dalm Maqasid al-Shariah: Konsep dan Pendekatan. Ed. Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali, Ridzwan Ahmad. Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nor Ghani, M. (1984). *Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan*. Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan. ed. Amir Hussin Baharuddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48 (1), 167-177.
- Oxford Poverty & Human Development Initiatives. (2018). *Global Multidimensional Poverty Index 2018: The Most Detailed Picture to Date of the World’s Poorest People*. London: Oxford Poverty & Human Development Initiatives.
- Robert H. Haveman. (2001). Poverty: Measurement and Analysis. *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, ed. Neil J. Smelser and Paul B. Baltes. ScienceDirect, 2001.
- Rudolf Von Jhering (2001). *Law as a means to an end* (DerZweckimRecht), terjemahan Isaac Husik. New Jersey: The Lawbook Exchange.

- Sabina Alkire et.al. (2014). Multidimensional Poverty Measurement and Analysis: Chapter 1 – Introduction, *OPHI Working Paper No. 82*, Oxford Poverty & Human Development Initiative.
- Sabina Alkire et.al. (2014). Multidimensional Poverty Measurement and Analysis: Chapter 7 – Data and Analysis, *OPHI Working Paper No. 88*, Oxford Poverty & Human Development Initiative.
- Sabina Alkire et.al. (2016). The Global Multidimensional Poverty Index (MPI): 5-Year Methodological Note. *OPHI Briefing*, 37.
- Sabina Alkire dan Maria Emma Santos. (2010). Acute Multidimensional Poverty: A New Index for Developing Countries, *OPHI Working Paper*, 38.
- Sabina Alkire dan James Foster. (2009). Counting and Multidimensional Poverty Measurement. *OPHI Working Paper*, 32.
- Sabina Alkire dan Suman Seth. (2008). Measuring Multidimensional Poverty In India: A New Proposal, *OPHI Working Paper*, 15.
- Sharafat Ali dan Najid Ahmad. (2013). Human Capital and Poverty in Pakistan: Evidence from the Punjab Province, *European Journal of Science and Public Policy*, 11, 36-41.
- Siti Hadijah Che Mat et.al. (2012). Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan: Kajian Kes Di Daerah Baling, Kedah. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1): 3-12.
- Sulochana Nair dan S. Sagaran. (2015). Poverty in Malaysia: Need for a Paradigm Shift. *Institutions and Economies*, 7(3), 95-123.
- United Nations Development Programme. (2018). Beyond Income: A Broader Picture of Poverty. Diakses pada 8 November 2018 daripada <https://feature.undp.org/multidimensional-poverty/>.
- United Nations Development Programme. (2010). *Human Development Report 2010, The Real Wealth of Nations: Pathways to Human Development*. New York: UNDP.
- Wening Purtabin Palupi. (2013). Harta Dalam Islam. *At-Tabdhib*, 1(2), 154-171.
- World Bank. (2013). Global Monitoring Report 2013 Diakses pada 9 Disember 2018 daripada <http://data.worldbank.org/mdgs/progress-status-across-groups-number-of-countries>.
- Yazid Ahmad dan Ibnor Azli Ibrahim. (t.t). Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Sivil: Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajaran Umum*, 7, 123-138.
- Zahari Mahad Musa. (2016). Konsep Keselamatan Rumah Kediaman Menurut Kaedah Fiqh. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 2(2), 125-140.
- Zahari Mahad Musa. (2015). Privasi Rumah Kediaman Dalam Islam Sebagai Panduan Kepada Pembangunan Perumahan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 43-65.